

ANALISA PENOLAKAN KOS SEBELUM DIKENAKAN ZAKAT PERTANIAN BERDASARKAN MAQASID SYARI'AH

THE ANALYSIS OF DEDUCTION OF COSTS BEFORE ANY IMPOSITION OF AGRICULTURAL ZAKAT BASED ON MAQASID SYARI'AH

Muhamad Firdaus Ab Rahman¹
Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi²
Azman Ab Rahman³

ABSTRAK

Kajian ini bagi menganalisis isu penolakan kos-kos sebelum diwajibkan zakat apabila melepasi nisab 5 *awsuq*. Realiti zakat pertanian di Malaysia mengutamakan *qaul* Imam Syafi'e berbanding *qaul* mazhab lain. Oleh itu, di Selangor tidak membenarkan sebarang penolakan kos dan dikenakan zakat tanaman ke atas kos kasar sahaja. Sebahagian negeri pula hanya memberikan pelepasan kos-kos operasi sahaja seperti yang dipraktikkan di negeri Terengganu, Pulau Pinang dan Sarawak. Manakala pelepasan kesemua kos termasuk kos operasi dan kos sara diri dibenarkan sebelum pengeluaran zakat tanaman di negeri Perlis. Objektif kajian ini bagi menganalisis zakat pertanian dalam konteks Malaysia serta kewajaran penolakan kos-kos di Malaysia berdasarkan *maqasid syari'ah*. Berdasarkan dinamika syariat Islam, fleksibiliti hukum adalah berdasarkan *maqasid syari'ah* meliputi *maslahah* semasa dan setempat. Justeru, kajian ini menganalisis zakat pertanian semasa melibatkan pembuat dasar iaitu Jabatan Mufti Negeri dan pihak pengurusan zakat iaitu Baitulmal Negeri. Metodologi kajian dilakukan menggunakan data primer iaitu temu bual bersama Jabatan Mufti Negeri dan Baitulmal Negeri di negeri Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu dan Sarawak. Penganalisan data menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif. Hasil penyelidikan menunjukkan kewajaran penolakan kos operasi tanaman dan kos sara diri demi menjamin *maslahahdaruri* para petani serta tanggungannya.

Kata Kunci: Zakat Pertanian, Kos Operasi, Kos Sara Diri, *Maqasid Syari'Ah*,

¹ Felo Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
firdaus_srcisum@yahoo.com

² Felo Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis bersama:
tunhussein87@gmel.com

³ Pensyarah Kanan (Dr), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis bersama: azman@usim.edu.my.

ABSTRACT

This research analyzed the need for some given costs to be exempted before any imposition of alms is made. The reality concerning the agricultural alms in Malaysia as based solely on qaul of Imam Syafi`e rather than qaul of other scholars. Thus, in Selangor the deduction of any cost before imposition of agricultural zakah is not applicable, even though several states such as Terengganu, Penang and Sarawak have given an exemption for operational cost. Perlis is the only state in Malaysia allow all deduction of costs include self-sustenance cost. The objectives of this study are to research into agricultural alms in the Malaysian context and to study the deduction of costs in Malaysia based on maqasid syari`ah. Based on the dynamics of the Islamic Shari`a, the flexibility of law adheres closely on maqasid syari`ah involving current and local maslahah. Therefore, this study analyses the transformation of the current agricultural alms involving policy makers, namely the State Mufti Department and officers in charge of the alms management namely the State Baitulmal. The methodology of this study is done using the primary data which is the interview with the State Mufti Department and the State Baitulmal in states of Selangor, Penang, Perlis, Terengganu and Sarawak. The data analysis uses the descriptive and the comparative methods. The research outcome demonstrates that the justification for the reduced operational costs of the crops and the self-sustenance costs in assurance for maslahah daruri of the farmers and their families.

Key Words: *Agricultural Zakat, Operational Costs, Self-Sustenance Costs, Maqasid Syari`Ah.*

1. PENDAHULUAN

Dewasa kini isu kewajaran penolakan kos-kos tertentu sebelum diwajibkan zakat sering dibahaskan sama ada di peringkat nasional mahupun internasional, ini kerana isu ini dilihat kontemporari berbanding isu-isu berkenaan penetapan takaran nisab dan kadar yang lebih bersifat *nassi*. Pengkaji berpandangan isu ini berkait rapat dengan isu penetapan kadar zakat tanaman kerana melibatkan perbincangan “pengairan” dan “tenaga usaha” yang digunakan oleh petani. Perbincangan para fuqaha silam berkenaan pengurangan kos-kos hanya melibatkan pengairan sahaja, bersesuaian dengan tuntutan keadaan dan setempat ketika itu yang tidak melibatkan teknologi moden dan kos yang tinggi. Dalam konteks Malaysia sekarang, bebanan tidak terhad kepada kaedah pengairan akan tetapi dapat difahami sebagai kos-kos pengeluaran yang ditanggung oleh petani seperti kos bahan input, kos operasi tanaman yang melibatkan jentera moden dan modal yang tinggi serta kos sara diri petani. Analisa ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisa penolakan kos operasi tanaman dan analisa penolakan kos sara diri.

2. KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai zakat pertanian dan maqasid syariah dipecahkan kepada sub tema yang menyentuh secara langsung tentang transformasi zakat pertanian di Malaysia atau secara tidak langsung. Pecahan sub tema ini melibatkan kajian kitab-kitab *turath* dan kontemporari berkenaan zakat dan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan hukum zakat.

2.1 Transformasi Zakat

Terdapat beberapa hasil kajian berkait rapat dengan transformasi zakat iaitu kajian Muhamad Syukri Salleh *et.al.* (2010) berkaitan pemikiran tentang zakat yang berbentuk sara diri sekarang boleh berubah menjadi bentuk produktif iaitu zakat yang boleh berkembang setelah diagihkan kepada asnaf. Kajian ini mengemukakan transformasi zakat kepada produktif berteraskan Islam (*maqasid syari`ah*) dan bukannya konvensional misalnya zakat dalam menghapuskan kemiskinan digantungkan kepada konsep ekonomi konvensional dengan berteraskan (*Gross Domestic Product, GDP*) dan bilangan orang miskin dalam ekonomi sahaja.

Antara elemen transformasi adalah pengaruh *'urf* semasa dan setempat. Oleh itu satu kajian di peringkat doktor falsafah, tesis Hasanah Binti Abd Khafidz (2006) dan Disertasi Hamdi Rahman Mohd Yaacob (2006) penulisan yang membuah idea yang bernas kepada penulis bagi menganalisis sumber zakat yang baru berdasarkan pemboleh ubah *'urf* dan ekonomi semasa dan setempat. Kajian ini bagi menilai semula pentafsiran asnaf lapan di Malaysia dengan merujuk kriteria yang ditetapkan oleh fuqaha.

Terdapat juga beberapa buku yang telah diterbitkan oleh Paizah Hj. Ismail (2004) yang memuatkan kompilasi artikel-artikel berkenaan faktor *'urf* semasa dan setempat dalam menentukan hukum fatwa di Malaysia bagi memelihara *maslahah`ammah* dan pentafsiran nas syarak dalam penentuan hukum boleh ditinjau daripada beberapa aspek seperti latar belakang keagamaan asal, multi ras, iklim, cuaca dan kemajuan teknologi.

Seterusnya, kajian Mohd Iki Hamid (2000) melihat perubahan amalan pertanian di Kedah seperti perubahan yang dapat dilihat dalam semua peringkat penanaman padi merangkumi pembajakan tanah sawah, penyediaan benih, sistem tanaman yang digunakan, penunaian sehinggalah peringkat penjualan padi. Kesemua perubahan ini memberi kesan dan dampak kepada sosial, ekonomi malah aspek pelaksanaan hukum zakat pertanian.

2.2 Zakat Pertanian

Kajian empirikal mengenai zakat pertanian secara berfokus adalah tesis Nor Aini Binti Ali (2013) iaitu kajian kualitatif dan kuantitatif ini dilakukan ke atas Baitulmal Negeri dan para petani di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Hasil kajian menunjukkan kaedah

taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar tidak menjamin keadilan sosial dalam kalangan petani (*muzakki*).

Begitu juga Mujaini bin Tarimin (1987) telah membuat kajian secara khususnya menjadikan tanjung karang sebagai kes kajian dalam menilai anggaran pendapatan zakat padi. Akhir perbincangan kajian ini Mujaini bin Tarimin telah mencadangkan agar Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) lebih terbuka dalam persoalan bermazhab, mencadangkan kadar nisab sebanyak 600 gantang padi dan 400 gantang beras, zakat pertanian diwajibkan sebanyak 5% disebabkan oleh sektor pertanian telah moden dan sistem taksiran zakat pertanian hendaklah diperkenalkan secara meluas dan sistematik.

Amalan zakat pertanian di Malaysia banyak dipengaruhi pendapat Imam Syafi'e, ini dibuktikan dengan kajian disertasi Mahyuddin Abu Bakar (2000) dan Mohammad Azam Hussain (2004) dengan menyimpulkan bahawa walaupun diharuskan kepada petani berpegang kepada mazhab Syafi'e dalam amalan berzakat namun umat Islam bebas berpegang kepada mana-mana mazhab mu'tabar. Fenomena semasa memperlihatkan bahawa kaedah pengiraan zakat padi lebih sesuai dipraktikkan berdasarkan mazhab Hanafi, iaitu zakat akan dikeluarkan berdasarkan kepada penghasilan bersih padi bukan penghasilan kasar.

Seterusnya hasil dapatan berkenaan zakat pertanian oleh Asmak Ab. Rahman (2004) dengan menyarankan agar taksiran zakat padi perlu ditolak kos penanaman dan kos sara hidup. Fokus kajian ini hanya membahaskan tanaman padi tanpa memperluaskan lagi jenis tanaman yang menghasilkan pendapatan yang lebih lumayan.

2.3 Maqasid Syari'ah

Rujukan utama penulis berkenaan *maqasid syari'ah* berdasarkan karangan Syeikh al-Raysuni (1995) yang menekankan konsep *maqasid* berkitar memelihara kepentingan lima yang asasi yang dibawa al-Imam *as-Shatibi* (1997). Perbincangan kitab ini menyentuh maksud hikmah dan 'illah, maksud terminologi *maqasid* itu sendiri, sejarah kemunculan ilmu *maqasid* sebelum *as-Shatibi*, juga membincangkan asas perbincangan iaitu *ta'lil al-ahkam* dan pembahagian *maqasid syari'ah*. Terdapat juga buku-buku yang memperincikan secara khusus *maqasid* zakat misalnya karangan Yusuf al-Qardawi (1973), al-Ghazali (1982), al-Dahlawi (2005) dan Ibn al-Qayyim (1998). Dengan menghubungkan kutipan dan agihan zakat berdasarkan *maslahah*.

Manakala dari segi konsep *maqasid syari'ah* di Malaysia telah dibincangkan oleh Hassan Haji Ahmad (2001), Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (2010), kajian Wan Marhaini Wan Ahmad (2012) dan Abdul Monir Yaacob (2004), keempat-empat kajian ini menerangkan berkenaan *maqasid syari'ah* secara umumnya merangkumi perbincangan konsep, teori, konsep *maslahah* dan *mafsadah* dan juga pembahagian *maqasid syari'ah*. Namun, dua kajian awal hanya mengambil maklumat dari kitab *maqasid syari'ah taurath* lalu distrukturkan semula

untuk pemahaman yang lebih mudah. Namun begitu, Abdul Monir Yaacob menambah beberapa maklumat khusus berkisarkan pemakaian *maqasid syari`ah* di Malaysia termasuklah pemakaian mazhab dan pelaksanaan fatwa semasa dan isu-isu muamalat Islam di Malaysia. Ini jelas menunjukkan pelaksanaan *maqasid syari`ah* sudah bertapak dalam sistem perundangan Malaysia.

Terdapat juga artikel yang membincang mengenai *maqasid syari`ah* meliputi kajian Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif *Maqasid al-Syari`ah* oleh Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad (2010). Kajian ini melihat keberkesanan agihan zakat berdasarkan *maqasid syari`ah* merangkumi agama, akal, nyawa, keturunan dan harta, berbanding dengan hanya melihat berdasarkan tahap pendapatan. Kajian ini juga menggunakan kaedah *Maslow* dan analisis *CAST* dan hasil kajian merumuskan bahawa penilaian menyeluruh haruslah berpaksikan kesemua elemen *maqasid*.

Di Malaysia terdapat beberapa kajian penting berkenaan *maqasid syari`ah*, misalnya kajian Ridzwan Ahmad (2005). Kajian ini mengemukakan standard metode *pentarjihan* antara *masalah* dan *mafsadah* yang jelas disebabkan berlakunya kontradiksi di antara keduanya. Ini kerana objektif atau *maqasid syari`ah* adalah melibatkan pencapaian *masalah* dan penolakan *mafsadah*. Justeru kepakaran dalam membuat penilaian yang tepat sangat diperlukan oleh mujtahid. Penulis juga berpendapat *maqasid syari`ah* perlu dijadikan ilmu terpenting seiring dengan ilmu sains dan teknologi bagi menghadapi zaman global yang memerlukan hukum baru yang bersifat semasa dan setempat. Perubahan semasa yang berkembang membawa kepada perubahan *masalah* manusia menyebabkan permasalahan *nas* dan *masalah* menjadi agenda perbincangan penting dalam zaman kerasionalan akal ini, walaupun penggunaan *masalah* oleh ulama terdahulu kurang meluas.

3. KAJIAN METODOLOGI

3.1 Metode Pengumpulan Data

Secara umumnya penulis mengetengahkan data kualitatif dalam metode pengumpulan data. Kajian ini melibatkan kaedah utama iaitu kaedah penyelidikan teoretikal (kajian perpustakaan) dan kaedah empirikal (kajian lapangan).

a) Kajian Perpustakaan

Melalui kaedah teoretikal ini, kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpul maklumat awal mengenai latar belakang kajian iaitu meneliti penolakan kos operasi tanaman zakat pertanian tersebut serta mencari hubung kait dengan *masalah*. Sumber primer dan sekunder juga akan dikaji melibatkan kajian terhadap buku-buku zakat dan *maqasid syari`ah*, artikel ilmiah, jurnal, latihan-latihan ilmiah serta kertas kerja persidangan dan maklumat daripada

laman sesawang rasmi. Data-data ini diambil daripada pelbagai perpustakaan di Institusi Pengajian Tinggi Awam IPTA Malaysia.

Kajian ini juga melibatkan kaedah dokumentasi dengan mengambil dokumen berkenaan zakat pertanian dan juga menggunakan kaedah historis yang lebih memfokuskan amalan *athar* para Khulafa' al-Rasyidin yang melakukan ijtihad terhadap sumber zakat.

Kaedah penyelidikan empirikal pula melibatkan dua peringkat iaitu pengumpulan dan analisis data. Kajian ini akan mengumpulkan data-data primer dan sekunder. Bagi data primer, maklumat akan diperoleh melalui kajian lapangan iaitu kaedah temu bual.

b) Metode Temu Bual

Penulis menggunakan metode temu bual secara bersemuka (*face-to-face*) bersama pakar dalam bidang zakat khususnya mereka yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan hukum zakat, mereka terdiri daripada informan-informan daripada Institusi Zakat Negeri dan Jabatan Mufti Negeri.

Objektif kajian temu bual ini bagi mendapat maklumat berkenaan fatwa-fatwa zakat pertanian yang telah diputuskan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri dan kaedah pelaksanaan semasa pengurusan zakat tanaman di Baitulmal Negeri. Begitu juga bagi mendapatkan sudut pandangan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh penulis.

Kaedah temu bual separa-berstruktur dijalankan dengan membuat temu janji terlebih dahulu melalui surat permohonan melakukan kajian temu bual, dilampirkan bersama surat akuan Universiti Malaya dan soalan-soalan temu bual. Kaedah merekodkan data dengan menggunakan catatan bertulis dan rakaman suara MP3 (dengan kebenaran informan). Pemilihan informan untuk ditemu bual ditetapkan sendiri oleh institusi, seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Informan Yang Ditemu Bual

Negeri	Pusat Zakat Negeri	Jabatan Mufti Negeri
Pulau Pinang	Ustaz Azhari Bin Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara`), Jabatan Kutipan Dan Pemasaran, PUZ Pulau Pinang	Y.Bhg. S.S. Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Ahmad (Mufti Negeri Pulau Pinang)
Sarawak	Ustaz Zulhazmi Bin Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman)	Y.Bhg S.S. Ustaz Haji Kipli Bin Haji Yassin (Mufti Negeri Sarawak)
Selangor	Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor)	Ustaz Mat Jais Bin Kamus (Penolong Mufti Selangor)
Perlis	Ustaz Mohd Nazim bin Haji (Md Ketua Unit Zakat Bahagian Baitulmal Perlis Noor)	Ustaz Roslan bin Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis)
Terengganu	Tuan Zuhaimi Bin Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif Taksiran Zakat, MAIDAM Terengganu)	-

Soalan temu bual di struktur dengan merujuk kepada keperluan kajian iaitu melibatkan kajian zakat pertanian dan *maqasid syari'ah*. Kiriman awal soalan temu bual dibuat dan setiap soalan ditanya dan dijawab satu persatu. Struktur soalan yang dibuat dengan mengkategorikan setiap soalan kepada isu-isu yang diketengahkan agar memudahkan analisa data transkripsi temu bual. Seperti jadual (2) di bawah:

Jadual 2: Struktur Soalan Temu Bual

Kategori	Hukum (fatwa) zakat pertanian		Jenis tanaman yang dizakatkan		Nisab zakat tanaman		Kadar zakat tanaman		Penolakan kos-kos sebelum dizakatkan		<i>Maqasid syari'ah</i> ibadah zakat	
No. soalan	(1)	(2)	(4)	(5)	(8)	(9)	(11)	(12)	(14)	(15)	(17)	(18)
	(3)	(6)	(7)		(10)		(13)		(16)			
Jumlah soalan (18)	2		4		3		3		3		2	

3.2 Metode Penganalisisan Data

Peringkat kedua dalam metode empirikal ini ialah pemrosesan dan analisis data. Untuk menganalisis data yang diperoleh, metodologi yang digunakan ialah berbentuk analisis induktif (*istinbat*), deduktif (*istiqrā'i*) dan komparatif (*muqaranah*).

a) Analisis Induktif

Dalam pendekatan induktif penulis bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian daripada sesebuah penyelidikan, dan kemudian berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoretikal daripada hasil tersebut. Kaedah yang digunakan ini bagi menjalankan analisis melalui kaedah analisis kandungan iaitu dengan menumpukan kepada pandangan ulama silam dan kontemporari mengenai isu perluasan hasil zakat pertanian serta taksirannya meliputi perbahasan kos-kos tanaman. Penulis juga menggunakan kaedah analisis hukum terhadap hujah dan pandangan fuqaha tentang zakat pertanian.

b) Analisis Deduktif

Dalam pendekatan deduktif penulis akan mengumpul data mengenai sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperoleh. Soalan temu bual distrukturkan daripada data dari perpustakaan secara deduktif.

c) Analisis Komparatif

Membandingkan data hasil daripada temu bual dan dokumentasi dengan kelima-lima negeri, melihat kaedah yang bertepatan dengan *maqasid* semasa. Dalam hal ini, kaedah perbandingan juga dilakukan dengan mencari titik persamaan dan perbezaan antara pandangan informan

untuk mengeluarkan resolusi yang sistematik, bersepadu dan konsisten. Kemudian penulis menggunakan kaedah analisis nilai '*urf, masalah (maqasid syari'ah)*', semasa dan setempat bagi melihat kewajaran menyelesaikan isu-isu berkaitan hukum zakat pertanian di Malaysia.

d) Analisis Deskriptif

Menggunakan jadual, rajah dan graf bagi menganalisis data yang diperolehi daripada proses temu bual dan laporan-laporan.

4. HASIL DAPATAN

4.1 Analisa Penolakan Kos Operasi Tanaman

Kesemua negeri kajian membenarkan pelepasan kos operasi sebelum dikenakan zakat tanaman iaitu di negeri Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis, namun hanya negeri Selangor sahaja tidak membenarkan sebarang penolakan kos-kos.

Di Selangor zakat tanaman dikenakan ke atas pendapatan kasar sahaja. Ini berdasarkan keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1989 berpandukan kitab *al-'Ubab* menyatakan:

“Apabila sesudah menuai hasil tanaman, para petani tidak dibenarkan memakan hasil tersebut, membayar upah mengetam atau mengeluarkan sedekah sebelum dikeluarkan zakat tanaman. Hukuman takzir akan dikenakan sekiranya petani ingkar. Manakala segala perbelanjaan kos-kos tanaman ditanggung sendiri oleh para petani.” (Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor, 1989)

Keputusan ini masih diaplikasikan sehingga kini, walaupun kebanyakan negeri sudah memberi pelepasan sama ada penolakan kos operasi sahaja atau dengan kos sara diri. Berdasarkan temu bual pengkaji bersama Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Temu bual, 12 September, 2012) mendapati isu ini masih belum dilakukan kajian semula oleh pihak Penyelidikan Syariah LZS, walaupun terdapat permintaan penilaian semula berkenaan dengan penolakan kos *had kifayah* para petani yang membayar zakat tanaman (Muhamad Firdaus *et al*, 2013).

Berdasarkan kajian pengkaji, zakat pendapatan (*al-Mal al-Mustafad*) di Selangor ditolak kos *had kifayah* (kos sara hidup semasa) sedangkan mereka bergaji, pendapatan mereka lebih besar berbanding golongan petani yang tiada mata pencarian yang lain. Oleh itu, dicadangkan zakat pertanian padi dikaji semula dan diperincikan kajian tentang asas had penolakan kos operasi yang membebankan serta *had kifayah* bagi para petani agar lebih bertepatan dengan *maqasid* syarak. Tambahan pula, pendapatan mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil

pertanian, dan perlu dibahagikan kepada satu tempoh yang panjang (5-6 bulan) serta kos untuk hidup sebelum penanaman seterusnya.

Di Perlis, Pulau Pinang, Terengganu dan Sarawak, pelepasan kos-kos yang dibenarkan kepada pengusaha padi seperti kos baja racun, sewa tanah, upah tenaga dan mesin tuaian dan upah membajak tanah. Manakala penolakan kos pengangkutan dibenarkan di semua negeri di atas kecuali negeri Terengganu. Namun terdapat satu lagi pelepasan yang dibenarkan di Pulau Pinang pada tahun 2005 iaitu potongan luar jangka sebanyak $\frac{1}{4}$ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 2005). Pada dasarnya potongan ini mampu menjaga *masalahah* para petani berdalilkan amalan Rasulullah s.a.w amat bertimbang rasa kepada petani dan tidak terlalu menekan mereka sebagaimana dilaporkan oleh Sahal bin Abu Hathmah yang bermaksud “*Apabila kamu membuat penaksiran hendaklah kamu ambil zakatnya dan tinggalkan 1/3, jika kamu tidak tinggalkan 1/3 hendaklah tinggalkan 1/4* (Al-Tirmizi, t.t; Abu ‘Ubaid, 1988).

Pengkaji dalam hal ini mentarjihkan fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Perlis berdasarkan *qaul* Ibnu ‘Abbas, Ibn ‘Umar, Ahmad Ibnu Hanbal dan lain-lain dengan alasan hutang *daruriyyat* diberi pelepasan kos operasi tanaman seperti menolak hutang dan kos tanaman demi *masalahah* para petani berpandukan hadis, maksudnya:

“Diriwayatkan oleh Abu ‘Ubaid dalam bab al-Amwal dengan sanadnya daripada Jabir bin Zaid dengan katanya kepada lelaki yang berhutang untuk digunakan bagi keperluan keluarganya dan ladangnya, katanya: Ibnu ‘Abbas berkata dipotong hutang yang bersangkutan dengan ladangnya, Ibnu ‘Umar berkata: dipotong hutang pengeluaran dan juga untuk keluarganya (sara diri).”

Yahya bin Adam telah juga meriwayatkan seperti di atas, katanya: Ibnu ‘Umar berkata: hendaklah hasil daripada tanaman digunakan untuk membayar hutang terlebih dahulu dan dikeluarkan zakat yang baki daripadanya. Ibnu Abbas berkata: Ditunaikan terlebih dahulu apa yang dihutangkan sebagai kos pengeluaran dan bakinya dikeluarkan zakat.

Dewasa kini, kos-kos tanaman padi merangkumi kos bahan input, kos tenaga kerja dan kos-kos yang lain. Bagi menilai kos-kos pertanian padi ini, pengkaji memperincikan pendapatan dan perolehan bagi setiap satu relong sebagai gambaran jumlah bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh golongan petani, seperti jadual di bawah:

Jadual 3 : Pendapatan /Perolehan (Bagi Setiap 1 Relong)

Kaedah Pengiraan Hasil:

Bagi setiap 1 relong (purata 3300kg padi kasar)

3300 kg – 18% = 2706 kg

Hasil Padi : 2706kg X RM0.56 = RM 1515.36

Subsidi : 2706kg X RM0.2481 = RM 671.36

Pendapatan : = **RM 2186.72**

Jadual 4: Kos Pengeluaran / Perbelanjaan (Bagi Setiap 1 Relong)

Bil	Aktiviti	Kos Kecil	Kos Besar
1	Bajak	Tahap 1: RM70.00 Tahap 2: RM60.00 Tahap 3: RM65.00	RM195.00
2	Benih (Harga JPN) *Melalui kelompok	RM24.00 X 3bag	RM72.00
3	Racun	Sambau : RM65.00 Rumpai : RM45.00 Serangga : RM65.00 Kulat : RM70.00	RM245.00
4	Baja	Subsidi : RM1.00 X 5 Buah : RM130.00	RM135.00
5	Mesin Padi	Upah tuaian : RM140.00	RM140.00
6	Lori	Angkut : RM52.00	RM52.00
7	Sewa Tanah	Purata : RM200.00	RM200.00
8	Caj Upah Kerja	Serak : RM40.00 Racun : RM40.00 Baja : RM20.00 Kawalan Musuh/ Penyakit: RM80.00	RM180.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM1219.00

Sumber: Jabatan Pertanian Pulau Pinang dan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan, (2011).

Kos-kos pengeluaran tanaman yang diambil kira adalah kos tetap dan kos berubah. Kos tetap adalah terdiri daripada sewa tanah dan cukai air serta zakat tanaman. Kos berubah termasuklah kos-kos input dan kos buruh yang digunakan dalam usaha tanaman padi, ini kerana kegunaan jenis baja, varians benih dan racun yang berbeza di kalangan petani, begitu juga halnya dengan kos tenaga kerja bagi jumlah buruh yang digunakan, kos buruh yang dibayar berdasarkan kerja-kerja kontrak diasingkan daripada jumlah kos buruh yang diusahakan sendiri oleh petani dan keluarga.

Analisa jadual di atas adalah contoh pengiraan hasil pendapatan bagi setiap relong (purata 3300kg padi kasar). Hasil bersih hasil padi dikira selepas ditolak potongan kelembapan dan kotoran padi. Purata potongan hasil padi ialah 18% dan ini menjadikan purata hasil bersih bagi tanaman padi bagi setiap relong sebanyak 2706kg. Pendapatan dari segi perusahaan tanaman padi boleh di analisa dengan mengambil kira hasil padi dan kupon subsidi yang diperolehi daripada Lembaga Padi dan Beras Negara (BERNAS) berjumlah RM2186.72.

Kos-kos tanaman padi bermula dengan proses membakar jerami dan membajak sebelum menyerak benih yang memakan masa 30 hari. Kemudian proses tanaman padi diusahakan dengan memakan masa 110 hari sebelum dituai. Kos bahan input yang digunakan meliputi kos benih dengan harga RM24 untuk setiap beg, racun yang pelbagai seperti sambau, rumpai, serangga dan kulat yang berjumlah RM245 dan kegunaan baja iaitu baja yang telah diberi subsidi dan buah berjumlah RM135.

Manakala kos tenaga kerja pula termasuklah kos membajak yang memerlukan tiga tahap bagi setiap musim yang berjumlah RM195, kos upah tuaian menggunakan mesin padi sebesar RM140, kos pengangkutan menggunakan lori dari sawah ke kilang pemprosesan berharga RM52 dan caj upah kerja bagi menyerak, meracun, membaja dan mengawal musuh serta penyakit yang kesemuanya berjumlah RM180. Kos-kos lain yang perlu dibayar seperti kos sewa tanah jika menyewa dengan purata RM200. Maka, kos pengeluaran keseluruhan bagi setiap relong adalah berjumlah RM1219.

Pendapatan bersih petani adalah selepas pendapatan kasar ditolak kos-kos pengeluaran seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan bersih} &= \text{Pendapatan kasar petani} - \text{Perbelanjaan kos pengeluaran} \\ &= \text{RM } 2186.72 - \text{RM } 1219 \\ &= \underline{\underline{\text{RM } 967.72}}. \end{aligned}$$

Pendapatan bersih bagi 1 relong adalah RM967.72, ini jelas menunjukkan kos yang tinggi terpaksa ditanggung oleh petani iaitu hampir 50% daripada hasil pendapatan kasar petani. Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan RMK9 (2006-2010), kerajaan telah menetapkan sasaran pengeluaran padi negara untuk mencapai 90% tahap sara diri (SSL) beras dan meningkatkan pendapatan pengusaha tanaman padi melalui aktiviti penanaman padi. Jika kos-kos ini tidak diberikan pelepasan sebelum dizakatkan akan membebankan mereka dan tidak menjaga *masalah* golongan petani yang membekalkan sumber makanan rasmi negara.

Fakta ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Sabariah Binti Mohamd Salleh (2004) di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, majoriti responden iaitu sebanyak 79.2% terpaksa membelanjakan kos tanaman padi sebanyak RM500 hingga RM1000 sebagai kos pengeluaran seekar tanah sawah. Harga minimum jumlah kos pengeluaran seekar padi adalah RM376.30 dan harga maksimum RM1550. Manakala kebanyakan petani pula hanya mengusahakan keluasan tanah sawah kurang daripada 6 ekar iaitu seramai 58.5%.

Berdasarkan situasi ini, bagi mengurangkan bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh pengusaha tanaman padi, kerajaan telah memperkenalkan insentif pengeluaran padi melalui IPP (Bantuan Input Pertanian) berkuat kuasa Mac 2007 yang terdiri daripada bantuan upah membajak pada kadar RM100 sehektar semusim dan bantuan input pertanian dalam bentuk bantuan baja, racun, penggalak tanaman dan agen pemulih tanah (*soil ameliorant*) bernilai maksimum RM140 sehektar semusim. Namun insentif ini hanya layak diberikan kepada

pesawah yang berdaftar dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Muda (MADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Walaupun kerajaan Malaysia telah menyediakan subsidi bagi meringankan bebanan dari sudut kos bahan input, namun insentif ini di kebanyakan negeri dikira sebagai pendapatan kasar petani iaitu hasil pertanian dicampurkan dengan kupon subsidi yang diterima petani. Petani bukan sahaja diwajibkan untuk mengeluarkan zakat pertanian setiap musim, malah dikenakan pula zakat *al-Mal al-Mustafad* bagi setiap subsidi yang diterima. Justeru itu, sewajarnya penolakan kos-kos dibenarkan sebelum dikenakan zakat tanaman bagi mengimbangi bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh golongan pesawah.

4.2 Analisa Penolakan Kos Sara Diri

Realiti di Malaysia hanya di negeri Perlis sahaja secara rasminya membenarkan pelepasan kesemua kos-kos yang terpaksa ditanggung oleh para petani berdasarkan pendapat Ibnu ‘Umar dengan berhujah bahawa *maqsad* zakat hanya dikenakan ke atas orang berada dan menjadi keperluan mengutamakan nafkah keluarga bagi menjamin kestabilan ekonomi keluarga, merujuk hadith yang diriwayatkan oleh Jabir bahawa sabda Rasulullah s.a.w kepada seorang lelaki:

Terjemahannya: “Berikanlah terlebih dahulu kepentingan diri mu, apabila lebih berikan kepada isteri mu, apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga dekat mu, apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain”
(Muslim, 2006)

Walau bagaimanapun di Pulau Pinang terdapat peruntukan mengesyorkan penolakan kos sara diri jika tidak mempunyai pendapatan lain, namun ia tidak diaplikasikan sehingga sekarang (Azhari Bin Ahmad, Temu bual, 18 September, 2012).

Secara amalnya di Perlis, penolakan kos pengeluaran secara amnya dibenarkan kepada seluruh warga petani, namun penolakan kesemua kos iaitu kos operasi dan sara diri hanya dibenarkan jika petani tersebut tidak mempunyai pendapatan yang lain selain daripada bertani. Baitulmal MAIPs mengimbangi diantara penetapan kadar dan penolakan kos-kos, misalnya sekiranya berlaku penolakan kos sebelum dizakatkan maka kadar yang dikenakan adalah sebanyak 10% (kadar asal). Keadaan kedua, sekiranya petani tidak menolak sebarang kos, maka kadar yang ditetapkan adalah sebesar 5% (kadar *ruksah*).

Maqasid utama pensyariatkan zakat adalah mengambil daripada mereka yang kaya lalu dibahagikan kepada *mustahiqqin* “Diambil zakat dari orang kaya mereka dan dipulangkan ke atas orang fakir mereka” (al-Bukhari, t.t). Indikator kekayaanlah yang mewajibkan seseorang itu dikenakan zakat ke atasnya. Bagi jumhur fuqaha berpendapat kadar kekayaan yang mewajibkan pemiliknya mengeluarkan zakat ialah memiliki harta zakat yang

mencukupi kadar nisab, tanpa melihat sama ada ia mencukupi atau tidak bagi memenuhi keperluan diri petani dan tanggungan dengan alasan memiliki harta produktif (pertanian) telah cukup meletakkan seseorang itu berstatus kaya dari sudut mewajibkan untuk berzakat.

Pengkaji kurang bersetuju dalam konteks pemberian zakat yang diutarakan oleh jumah dengan *waqi`* semasa Malaysia, kerana ianya tidak selari dengan *maqasid syari`ah* zakat iaitu bertentangan dengan *nas* yang hanya mewajibkan lebih harta “...*katakan yang berlebihan*” (Al-Baqarah 2: 219).

Dalam hal ini, pengkaji *mentarjihkan* pandangan mazhab Hanafi yang mengambil kira keperluan hidup seseorang dengan hanya mewajibkan ke atas harta lebih sahaja. Menurut Al-Kasani menjelaskan : “...*adapun kekayaan yang diwajibkan padanya zakat iaitu memiliki sejumlah nisab harta produktif lebih daripada keperluan asasi*” (Al-Kasani, 2002) . Dalam membahaskan keperluan asasi, perlu terlebih dahulu mengenal pasti komponen-komponennya. Ini kerana berdasarkan al-Ghazali “*Had kekayaan adalah sesuatu yang tidak jelas*” (Al-Ghazali, t.t) dan beliau menjustifikasikan komponen keperluan asasi dengan berpegang kepada Sabda Rasulullah s.a.w iaitu: “*Tidak berhak seseorang anak Adam kecuali pada tiga perkara, makanan menguatkan tulangnya, pakaian menutup auratnya, dan rumah untuk berlindung, apa yang selebihnya adalah perkara yang dihitung*” (Al-Ghazali, t.t).

Al-Syarbini menjelaskan maksud keperluan asasi ialah apa yang mencukupi bagi manusia dari segi makanan, pakaian dan sebagainya yang diperlukan, bersesuaian dengan keadaannya dan keadaan mereka di bawah nafkahnya, tidak secara boros dan tidak juga kedekut (Al-Syarbini, 1978). Dapat difahami keperluan asasi setiap dimensi akan berbeza misalnya pendidikan, pengangkutan dan perubatan kini menjadi perkara *daruri* bagi setiap manusia.

Berdasarkan Chamhuri Siwar (2002) konsep cukup hidup (keperluan asasi) ialah jumlah tertentu pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan hidup minima, bagi mengekalkan suatu taraf hidup yang memuaskan berdasarkan norma-norma yang sedia ada. Di Malaysia kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) diadaptasi sebagai salah satu ciri penentuan taraf serta kategori pendapatan seseorang. Pendapatan keseluruhan di bawah RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia dianggap miskin. Manakala PGK keseluruhan di Sabah dan Sarawak masing-masing di bawah RM960 dan RM830. Namun, perlu dilihat kawasan yang didiami sama ada di kawasan bandar atau luar bandar kerana PGK kasar dan PGK per kapita berbeza. Kajian juga dilakukan bagi menilai jika *had kifayah* hanya melihat kepada ketetapan kadar cukup nisab 5 *awsuq* semata-mata, tanpa mengambil kira nilai keperluan asasi sepertimana pendapat fuqaha, lalu dibandingkan dengan PGK keseluruhan, seperti jadual di bawah:

Jadual 5: Hasil Pendapatan Petani Dengan Kadar Cukup Nisab (5 *awsuq*)

Bil	Perkara	Unit	Selangor	Pulau Pinang	Perlis	Terengganu	Sarawak	
A	Kuantiti Keluaran Padi Per Musim	Tan	1.306	1.3	1.3	0.987	1.08	
B	Hasil Jualan Padi, Harga Minimum Terjamin GMP (RM650.00)	RM	848.9	845	845	641	702	
C	Harga Padi Semasa 2012 (1 tan = RM1000)	RM	1306	1300	1300	987	1080	
D	Subsidi Harga Padi, 1 tan metrik (RM248.10)	RM	324.01	322.53	322.53	244.87	267.94	
E	Jumlah Pendapatan Min [B+D]	RM	1172.91	1167.53	1167.53	886.42	969.34	
F	Jumlah Pendapatan Semasa [C +D]	RM	1630.01	1622.53	1622.53	1231.87	1347.94	
G	Purata Pendapatan Sebulan [F/6bulan]	RM	271.66	270.42	270.42	205.31	224.65	
H	PGK Keseluruhan Semenanjung	RM	720					
I	PGK Keseluruhan Sarawak	RM	830					

Sumber: Diubahsuai dari laman sesawang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, dicapai 2 November 2012, http://www.moa.gov.my/web/guest/industri_padi_beras.

Berdasarkan jadual di atas jumlah pendapatan semasa bagi para petani dicampurkan dengan kupon subsidi harga padi dalam lingkungan RM1231.87 sehingga RM1630.01, ini berdasarkan harga padi semasa 2012 (satu tan bersamaan RM1000). Manakala jumlah pendapatan minimum para petani setelah dicampurkan dengan nilai subsidi yang diperoleh di antara RM886.42 sehingga RM1172.91 dengan mengambil kira Harga Minimum Terjamin (HMT/GMP) yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kedua-dua jumlah pendapatan petani ini berlandaskan kadar hanya cukup nisab (5 *awsuq*).

Pertanian sawah padi di Malaysia kebiasaannya diusahakan sebanyak dua musim setahun dengan anggaran setiap musim memakan masa enam bulan iaitu 189 hari sehingga 195 hari sebelum proses menuai dijalankan (Baitulmal, MAIPs).

Berdasarkan jumlah pendapatan semasa para petani, jika dibahagikan kepada enam bulan sebagai jaminan *had kifayah* mereka, maka jumlah pendapatan para petani sekitar RM205.42 sehingga RM271.66 sebulan. Purata pendapatan sebulan ini kurang daripada PGK keseluruhan Semenanjung dan Sarawak, malah pendapatan mereka diklasifikasikan sebagai miskin tegar iaitu di bawah RM430 di Semenanjung dan RM520 di Sarawak. Penilaian di atas menunjukkan kadar penentuan kekayaan tidak menjadikan *had kifayah* PGK petani sebagai faktor penetapan hukum zakat pertanian. Bebanan yang terpaksa ditanggung oleh

para petani bukan hanya membayar kadar nisab malah dikenakan zakat pendapatan bagi setiap kupon subsidi yang diperoleh.

4.3 Elemen *Maqasid Syari'ah* Dalam Penolakan Kos-Kos

Berdasarkan perbahasan di atas, pengkaji mentarjihkan pandangan berdasarkan *maqasid syariah* iaitu pendapat yang membenarkan penolakan kos pengeluaran dan kos sara diri sepertimana yang diamalkan di negeri Perlis dan diimbangi dengan kadar zakat tanaman. *Maqasidnya* kerana kos-kos seperti yang dijelaskan di atas merupakan satu bebanan bagi petani jika tidak diberikan pelepasan kos sebelum diwajibkan zakat. Menurut Yusuf al-Qardawi bebanan kos merupakan faktor yang memberi kesan dalam hukum sepertimana perubahan kadar zakat pertanian daripada 10% kepada 5% jika melibatkan tenaga kerja dalam pengairan yang lebih. Kewajaran penolakan kos-kos sara diri petani dan tanggungan mereka termasuklah makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan merupakan keperluan *daruriyyat* demi kelestarian kebahagiaan sesebuah keluarga sepatutnya dikira sebagai pelepasan *had kifayah* sepertimana penolakan dalam zakat pendapatan.

Maqasid syariah bagi zakat tanaman merangkumi dua entiti iaitu *muzakki* (para petani) dan juga asnaf zakat. Kedua-dua entiti ini perlu ditibangkan yang mana satu perlu diutamakan berdasarkan bebanan *mafsadah* dan *maslahah* yang diterima. Bermaksud sama ada dikenakan zakat ke atas hasil kasar demi *maslahah* para asnaf atau diberikan pelepasan kos-kos tertentu bagi menjaga *maslahah muzakki* (petani). Ini kerana *maqasid* syarak adalah “*Menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak keburukan*”.

Berdasarkan isu ini *maslahah muzakki* perlu diutamakan terlebih dahulu, berlandaskan hadith “*Ambillah daripada mereka yang kaya lalu diberikan kepada mereka yang miskin*”. Berdasarkan hadith ini menunjukkan Rasulullah s.a.w memberi perhatian kepada kedua-dua entiti zakat ini, namun pengkaji berpendapat *maqasid* utama dalam ibadah zakat adalah menyucikan harta *muzakki* jika melepasi nisab terlebih dahulu sebelum meraikan golongan asnaf. Jika pelepasan kos-kos di atas tidak ditolak, maka zakat akan diambil daripada *mustahiqin* (mereka yang layak mendapat zakat) iaitu para asnaf dan ini sangat bertentangan dengan objektif zakat itu sendiri. Oleh itu, sewajarnya penetapan *had kifayah* (kos sara diri) dan kos operasi ditolak bagi menilai kemampuan kekayaan seseorang petani selain daripada pengurangan kadar zakat pertanian berfaktor sumber saliran zakat pertanian yang telah ditetapkan.

Al-Syatibi dalam memahami *maqasid syari'ah* dengan menganalisis tentang masalah hukum yang tidak disebut syari' atau sikap diam syari' dalam sesuatu hukum tertentu (*al-sukut 'an syari'yyah al-'amal ma'a qiyam al-ma'na al-muqtada lah*). Al-Syatibi mengklafikasikan kaedah ini kepada dua bentuk, iaitu; Pertama, sikap diam syarak kerana tidak ada motif atau faktor pendorong. Kedua, sikap diam syari' walaupun ada motif atau faktor pendorong (Al-Syatibi, 1997). Dalam isu ini teknologi moden serta bebanan kos yang tinggi dilihat sebagai

pendorong untuk pelepasan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat demi keadilan kepada para petani (*muzakki*).

Pengkaji mengaplikasikan kaedah kedua *maqasid syariah* iaitu secara negatif dengan menghalang apa-apa yang boleh menghapuskan atau merosak kepentingan tersebut (*dar'u al-mafasid*) agar menghasilkan kemaslahatan kepada para petani (*jalbu al-masalih*). Berdasarkan pembuktian bebanan kos-kos di atas, terdapat beberapa kerosakan *daruriyyat* yang akan berlaku jika penolakan kos-kos tidak dikira sebagai pelepasan kos sebelum dizakatkan (al-Shatibi, 1997), seperti berikut:

a) *Mafsadah Kepada Ekonomi Petani (al-Mal)*

Untuk mendapatkan harta, Islam mewajibkan kita agar berusaha mencari rezeki dan mensyariatkan muamalat sesama manusia seperti perniagaan dan pertanian. Bebanan 50% kos operasi tanaman meliputi kos bahan input, kos tanaman dan kos-kos lain yang terpaksa ditanggung oleh para petani boleh dikategorikan sebagai kemudaratkan kepada hasil pendapatan (*al-Mal*). Petani terpaksa bergantung sepenuhnya kepada hasil tanaman dengan pelbagai risiko seperti bencana alam, serangga perosak dan hasil pendapatan perlu dibahagikan kepada enam bulan semusim serta sejumlah simpanan modal untuk penanaman musim seterusnya.

Jika kewajipan zakat dikenakan ke atas hasil kasar tanpa sebarang pelepasan kos operasi tanaman akan mengkategorikan petani tersebut di bawah garis kemiskinan PGK yang ditetapkan dan sebahagian mereka tergolong di bawah paras miskin tegar. Ini bertentangan dengan *maqasid* zakat iaitu “*Diambil daripada orang kaya*”. Kerosakan harta ini dengan bebanan serta tanggungjawab yang berat akan membawa kepada kerosakan *masalah* yang lain, seperti impaknya kepada *masalah* jaminan sosial sesebuah keluarga dan *masalah* jiwa.

b) *Mafsadah Kepada Keturunan (al-Nasl) Dan Jiwa (al-Nafs)*

Maqasid pemeliharaan kelestarian keturunan bukan sahaja disyariatkan perkahwinan. Malah yang lebih utama adalah memelihara entiti jiwa-jiwa (*al-Nafs*) yang wujud di dalam sebuah institusi kekeluargaan. *Mafsadah* akan berlaku kepada (*al-Nasl*) iaitu tanggungan keluarga para petani dari sudut sara hidup asasi, tempat tinggal yang kondusif dan sumber makanan akan terjejas. Kewajipan penolakan kos sara diri dan kos operasi adalah bagi menimbal balik *had kifayah* zakat tanaman dengan pelepasan standard keperluan asasi petani dan tanggungan di bawahnya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan.

Berdasarkan kajian Asmak Ab. Rahman (2004) tentang kos penanaman padi di Selangor di kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam mendapati kesan daripada tidak menolak kos operasi dan kos sara hidup ialah sebahagian pembayar zakat padi tergolong dalam kategori

miskin dengan 14.1% mendapat pendapatan bulanan di bawah paras kemiskinan dengan pendapatan kasar bulanan kurang dari RM510 dan 64 petani terpaksa meminjam wang untuk menampung kos penanaman padi. *Natijah* daripada kesan negatif ini akan berlakunya konflik sistem di antara penerima agihan zakat dan pembayar zakat pertanian yang mana pembayar zakat tergolong daripada asnaf-asnaf yang layak. Jika diterapkan konsep keadilan yang merupakan elemen *maqasid* syariah di dalam taksiran zakat tanaman, maka ia akan dapat menjaga kebajikan *muzakki* serta para asnaf.

c) *Mafsadah Kepada Akal (al-`Aql)*

Bagi memelihara akal, Allah SWT mengharuskan setiap perkara yang menjamin kesejahteraan serta menyuburkannya dengan cara menuntut ilmu. Jika penolakan kos sara diri sebagai asas *had kifayah* tidak ditolak akan memberi impak yang negatif kepada pemeliharaan akal anak-anak para petani dengan kurangnya pendidikan yang berkualiti. Ini kerana anak-anak adalah aset utama bagi mengeluarkan keluarga para petani dari lembah kemiskinan.

Berdasarkan keutamaan *maqasid* syariah *al-daruriyyat* merupakan *masalah* yang paling utama. Menurut al-Shatibi dengan kerosakan *al-daruriyyat* (kepentingan asasi) akan menyebabkan kerosakan kepada keperluan lain seperti *al-hajiyyat* dan *al-tahsiniyyat*. Berdasarkan perbincangan di atas pelepasan kos operasi dan sara diri sangat wajar ditolak bagi memelihara *maslahahdaruriyyat* petani dan tanggungannya serta bagi menghindari daripada *mafsadah* dengan pendekatan negatif yang diaplikasikan oleh al-Shatibi.

Justeru itu, pengkaji mencadangkan formula taksiran zakat tanaman ke atas kos bersih berdasarkan *maqasid* iaitu penolakan kos operasi dan kos sara diri, sepertimana yang diamalkan di Perlis dengan sedikit penambahan iaitu potongan luar jangka sebanyak ¼ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain sepertimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang, seperti berikut:

Jadual 6: Taksiran Zakat Tanaman Berdasarkan *Maqasid* Syariah

		(RM)
1. Penolakan Kos pengusaha sawah(kos pengeluaran)	Hasil perolehan padi bersih	
	Subsidi yang diperoleh	
	i. Sewa tanah (jika disewa)	
	ii. Membajak dan menanam (jika diupah/dibayar)	
	iii. Harga baja (jika dibeli)	
	iv. Racun serangga (jika dibeli)	
	v. Upah menuai	
	vi. Upah pengangkutan	
2. Penolakan Kos keperluan	vii. Potongan luar jangka sebanyak 1/3 @ ¼ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain	
	i. Kos Diri: RM5,000 bahagi 354 x 195 hari	

asasi	ii.	Kos Isteri: RM3,000 bahagi 354 x 195 hari	
	iii.	Kos Anak: RM1,200 bahagi 354x 195 hari	
	iv.	Pemberian kepada ibu bapa (jumlah yang sebenar jika diberi)	
	v.	Perubatan (perbelanjaan yang sebenar) Tanggungan anak cacat/ pesakit kronik	
	vi.	Hutang <i>daruriyyat</i> a) Kediaman b) Kenderaan	
	JUMLAH		

5. KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat diambil daripada perbincangan artikel ini ialah *maqasid* penolakan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat tanaman. Objektif utama zakat adalah mengambil daripada orang berada lalu diberikan kepada golongan miskin. Kos operasi yang tinggi terpaksa ditanggung oleh para petani iaitu 50% daripada hasil pendapatan kasar di samping kupon subsidi yang diterima juga dikira sebagai pendapatan kasar petani. Manakala kewajaran penolakan sara diri *had kifayah* bagi memelihara keperluan *daruriyyat* diri petani dan tanggungannya terdiri daripada penyediaan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan. Jika kos-kos ini tidak ditolak akan mendatangkan *mafsadah* kepada ekonomi petani iaitu tergolong di bawah pendapatan garis kemiskinan PGK, begitu juga impaknya kepada *maslahahnasl* dan *maslahah* akal.

RUJUKAN

Abdul Basir Mohamad. (2006). Tanaman Zakat dan Illat Kewajipannya dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (ed), *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Monir Yaacob. (2004). *Maqasid Shari'ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-nilai Semasa di Malaysia Dalam Menentukan Hukum*, dalam Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (ed), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Al-Baian Cooperation Sdn. Bhd.

Abu 'Ubaid, al-Qasim bin Salam.(1988). *Kitab al-Amwal*. Beirut: Dar al-Syuruk.

Al-Baqarah 2: 219.

Al-Dahlawi, Syah Waliyullah Ibn 'Abdul Rahim. (2005). *Hujjahtu Allah al-Baliqah* .Beirut: Dar al-Jeil.

Al-Ghazali. (1982). *Asrar az-Zakah* .Beirut: Mansyurat al-Maktabah al-'Asriyyah.

- Al-Kasani, ‘Alauddin. (2002). *Bada’i al-Sana’I*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘ilmiah.
- Al-Khatib Al-Sharbini. (1978). *Muqnhni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Raysuni, Ahmad. (1995). *Nazriyyah al-Maqasid ‘Inda as-Shatibi* .t.tp: al-Ma’ahad al-‘Aliy lil Fikr Islami.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-lakhmi. (1997). *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari’ah*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Asmak Ab Rahman. (2004). *Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Tanaman dan Amalannya Di Malaysia*(Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmak Ab.Rahman. (2006). *Kepentingan Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Islam dan Amalannya Di Kalangan Pesawah Padi di Selangor*, *Jurnal Syariah 14(1)*, 53-76.
- Baitulmal MAIPS. (t.t) *Buku Panduan Mengeluarkan Zakat*. Perlis,t.tp.
- Chamhuri Siwar. (2002). *Ekonomi Malaysia*. Selangor: Longman, ed.5.
- Hamdi Rahman Mohd Yaacob. (2006). *Pengaruh Persekitaran Ekonomi Dalam Menentukan Kaedah Pungutan dan Pengagihan Zakat* (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasanah Binti Abd Khafidz. (2006). *Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Pentafsirannya Di Malaysia* (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hassan Haji Ahmad. (2001). *Maqasid Syari’ah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah hj.Azahari (ed) Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ibn al-Qayyim. (1998). *Asrar al-Syariah Min ‘Ilam al-Muwakhiin*. Riyad: Dar al-Masir.
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Paizah Hj. Ismail. (2010). *Penghantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Baian Cooperation Shn. Bhd.

- Mahyuddin Abu Bakar .(2000). Taklid Kepada Mazhab Syafie Dalam Amalan Berkaitan Zakat Padi Menurut Undang-Undang Zakat Negeri Kedah (Disertasi sarjana tidak diterbitkan) Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.1/2005, Perkara 3.0 (f) Syor Muzakarah, 2.
- Mohammad Azam Hussain. (2004). Pemakaian Kaedah Taqlid dalam Pengiraan Zakat Padi dalam Irwan Mohd Subri *et.al.* (e.d) *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFU 2004)*, ed.Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohd Iki Hamid (2000, Nov). Hubungan Budaya dan Hukum: Tumpuan Khusus Terhadap Perubahan Amalan Pertanian Padi di Kedah dan Kesannya Kepada Ibadat Zakat Padi .Makalah, telah dibentangkan di Seminar Hukum Islam Semasa III (SHIS III) Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi dan Azman Ab Rahman. (2013). Analisa Ketidakselarasan Taksiran Zakat Pertanian Di Malaysia. Makalah, telah dibentangkan di The 5th Islamic Economic System Conference 2013(iECONS 2013), 4-5 September 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 8-10.
- Muhamad Syukri Salleh *et.al.* (2010). *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*. Pulau Pinang:Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam ISDEV USM & Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang PUZ MAINPP.
- Mujaini bin Tarimin. (1987). Zakat Pertanian Sistem Dan Perlaksanaannya Di Malaysia Dengan Rujukan Khas Kepada Mukim Tanjung Karang Selangor (Disertasi sarjana tidak diterbitkan) Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nor Aini Binti Ali. (2013). Taksiran Dan Aplikasi Zakat Tanaman Padi Di Malaysia (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan) Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad. (2004). *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur : Al-Baian Corporation Sdn. Bhd.
- Ridzwan Ahmad. (2008).Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa,*Jurnal Syariah 16(1),107-143*.
- Bukhari,(t.t). *Sahih al- Bukhari*. Beirut: Maktabah al-Khairiyyah. Kitab al-Zakat, Bab Wujub al-Zakat, no.Hadith 1395.

Muslim (2006) *Sahih Muslim*. Riyad: Dar at-Tayyibah. 1: 445.

Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad. (2010). Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syari`ah .Makalah, telah dibentangkan di The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Persidangan Antarabangsa ke-7, Bangi, Selangor.

Wan Marhaini Wan Ahmad. (2012). Zakat Investment In Malaysia: A Study of Contemporary Policy And Practice In Relation To Shari`a” (Unpublished PhD tesis), School of Literatures, Languages and Cultures, College of Humanities and Social Science, University of Edinburgh.